



SIARAN MEDIA

PENYERTAAN MALAYSIA DALAM COVID-19 VACCINE GLOBAL ACCESS (COVAX) FACILITY

PUTRAJAYA, 19 September 2020 – Kerajaan Malaysia akan menyertai COVID-19 vaccine global access (COVAX) bagi mendapatkan sebahagian daripada bekalan vaksin COVID-19 yang diperlukan. Kerajaan sedang membincangkan terma penyertaan Malaysia dengan The Global Alliance for Vaccine and Immunisation (GAVI) yang mengendalikan COVAX.

Kerajaan Malaysia juga sedang menyediakan perjanjian bagi menyertai Coalition for Epidemic and Preparedness Innovations (CEPI) serta perjanjian *government to government* (G2G) bersama kerajaan China untuk mendapatkan akses kepada vaksin yang dibangunkan oleh syarikat-syarikat farmaseutikal di negara tersebut.

Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Kesihatan Malaysia, juga telah menandatangani *non-disclosure agreement* dengan beberapa syarikat farmaseutikal antarabangsa yang sedang menguji vaksin COVID-19 di peringkat fasa ketiga untuk berunding bekalan vaksin yang bakal mendapat kelulusan.

Pendekatan Malaysia dengan menyertai COVAX, menjalinkan kerjasama strategik dengan negara lain dan berunding terus dengan syarikat-syarikat farmaseutikal akan memastikan Malaysia mendapat bekalan vaksin yang mencukupi dan pada kadar yang segera dengan harga yang berpatutan apabila vaksin tersebut terbukti selamat serta berkesan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi akan menyelaraskan perjanjian tersebut bagi pihak Kerajaan Malaysia.

- TAMAT -

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

19 September 2020